

Tahap Pengajaran dan Pemudahcaraan Guru di Salah Sebuah Sekolah Menengah Daerah Langat

Syed Ismail Syed Mustapa*, Ahmad Subki Hj. Miskon
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia
syed_ismail@ipgkik.edu.my

(Received: 22 Juni 2022 / Accepted: 2 Juli 2022/ Published Online: 4 Juli 2022)

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap kemahiran pengajaran dan pemudahcaraan guru berdasarkan SKPMg2 dalam kalangan guru di salah sebuah sekolah menengah Daerah Hulu Langat. Fokus kajian adalah terhadap enam standard (6) iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai dan murid sebagai pembelajar aktif. Sampel kajian terdiri daripada 37 orang guru yang bertugas di sekolah berkenaan. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan dengan menggunakan instrumen soal selidik sebagai pengumpulan data utama manakala data kuantitatif diperoleh melalui temu bual. Dapatan kajian menunjukkan terdapat guru-guru (31 orang) yang hanya menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH) seminggu sekali sebelum dihantar kepada pihak pentadbir untuk disemak. Seterusnya dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap kemahiran pengajaran dan pemudahcaraan guru dalam enam standard yang dikaji berada pada tahap tinggi ($\text{min}=3.90$; $\text{sp}=.25$). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa isu utama dalam aspek pengajaran dan pemudahcaraan yang dihadapi dan sukar untuk diselesaikan dalam kalangan guru adalah sikap murid (14 orang). Di samping itu dapatan kajian juga menunjukkan terdapat dua (2) bantuan yang sangat diperlukan oleh guru-guru untuk menjadi guru yang berkesan iaitu kursus berkaitan kaedah pengajaran (15 orang) dan penyediaan kemudahan peralatan pengajaran (7 orang). Pengkaji mencadangkan agar guru-guru di sekolah ini mengikuti latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh sekolah, PPD, JPN dan pelbagai institusi pendidikan yang lain serta mengamalkan proses pembelajaran sepanjang hayat untuk menambah ilmu berkaitan pengajaran dan pemudahcaraan. Seterusnya pihak pentadbir sekolah dicadangkan untuk menganjurkan latihan dalam perkhidmatan secara berkala, khususnya yang berkaitan pengajaran dan pemudahcaraan, manakala bengkel mengikut panitia dan bidang perlulah dilaksanakan untuk meningkatkan kompetensi guru dalam pengajaran dan pemudahcaraan serta melantik mentor kepada guru-guru baharu yang memerlukan bimbingan.

Kata Kunci: kemahiran pengajaran dan pemudahcaraan, SKPMG2, latihan dalam perkhidmatan

I. PENDAHULUAN

Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) merupakan satu proses yang dinamik dan sangat penting untuk membolehkan seseorang murid menguasai semua topik yang dipelajari di sekolah [1]. Justeru, pelaksanaan PdPc dalam bilik darjah perlulah dilakukan dengan pelbagai kaedah agar dapat menarik minat murid untuk terus memberikan tumpuan kepada pengajaran guru. Dalam konteks ini, amalan pedagogi dan pengajaran terbaik perlulah mengaplikasikan pelbagai strategi, teknik, pendekatan dan disokong dengan penggunaan sumber yang terkini bagi memastikan PdPc dapat dilaksanakan secara teradun dan sekata antara guru, murid dan bahan [2].

Perkembangan semasa menunjukkan bahawa sistem pendidikan hari ini telah mengalami evolusi, inovasi dan transformasi secara holistik yang melibatkan perubahan menyeluruh terhadap sistem pendidikan, kualiti kepimpinan sekolah, kualiti guru, kemenjadian murid, serta urus tadbir yang lebih efisien [3]. Oleh yang demikian, setiap pendidik perlu melakukan anjakan paradigma dan bersedia melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat untuk menambahkan ilmu pengetahuan sesuai dengan transformasi pendidikan negara. Kejayaan meningkatkan kualiti pendidikan negara banyak bergantung kepada transformasi yang telah dirancang dan perlulah juga digerakkan selari dengan ledakan maklumat masa kini.

Tranformasi pendidikan perlu dilaksanakan kerana kejayaan transformasi ekonomi amat bergantung pada kejayaan pelan pendidikan yang bersifat futuristik [4]. Dalam

menghadapi cabaran semasa, para pendidik perlu memastikan mereka menjalani pembelajaran berterusan untuk menguasai pelbagai bidang ilmu dan mampu menyerap semua perubahan terkini agar mereka lebih bersikap fleksibel, relevan dan berupaya untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran masing-masing [5]. Terdapat kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa guru-guru matapelajaran masih lagi menggunakan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan yang kurang menarik. Ini menyebabkan kemenjadian murid terganggu dan menimbulkan pelbagai masalah sampingan yang lain. Kepelbagaian masalah tersebut berlaku kerana guru tidak menggunakan kaedah dan aktiviti yang sesuai dengan pembelajaran pelajar dan akhirnya mengakibatkan pelajar tidak memahami tujuan mereka belajar. Kaedah pembelajaran yang sering berlaku di dalam kelas hanya tertumpu kepada guru sebagai penyampai isi pelajaran, bukan sebagai pembimbing atau pendorong [6].

Untuk meningkatkan kualiti PdPc para pendidik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penggubalan semula Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010, yang dikenali sebagai SKPM Gelombang 2 (SKPMg2) yang juga bertujuan untuk melaksanakan penambahbaikan dan meningkatkan kualiti pada beberapa standard seperti aspek kepimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid, pembelajaran dan pemudahcaraan dan kemenjadian murid. SKPMg2 menekankan peranan guru sebagai pemudah cara dalam PdPc dan keperluan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh pada tahap optimum dan dilaksanakan secara berterusan (SKPMg2, 2016). Merujuk SKPMg2, para pendidik hendaklah melaksanakan pengajaran berpusatkan murid dalam PdPc dan guru perlulah bertindak sebagai, perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai (SKPMg2, 2016). Secara keseluruhannya, SKPMg2 telah menggariskan panduan seperti yang berikut:

a. Guru sebagai perancang

Guru perlu bertindak untuk merancang dan membuat persediaan yang rapi dalam melaksanakan PdPc) agar memberi impak yang maksimum kepada pembelajaran murid. Antara yang perlu dirancang adalah menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), menentukan kaedah pentaksiran, menyediakan sumber pendidikan, menetapkan bilik / ruang sebagai tempat pembelajaran secara spesifik, mengikut keupayaan murid, peruntukan masa dan arahan yang berkuatkuasa.

b. Guru perlu pengawal

Guru perlu bertindak untuk mengawal pelaksanaan PdPc dan untuk memastikan kelancaran proses pembelajaran mengikut apa yang telah dirancangkannya. Sebagai pengawal, guru juga perlu mengelola isi pelajaran pelajaran dan mematuhi peruntukan masa serta memberi peluang kepada penyertaan aktif murid dengan menepati objektif pelajaran, mengikut keupayaan murid dan secara berterusan dalam PdP. Selain itu guru juga perlu mengawasi komunikasi dan perlakuan murid, menyusun atur kedudukan murid dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif mengikut kesesuaian dan keperluan, secara menyeluruh dan berterusan.

c. Guru sebagai pembimbing

Seterusnya guru juga perlu bertindak sebagai pembimbing untuk membolehkan murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif pelajaran. Sebagai pembimbing, guru perlu bertindak secara profesional untuk memberikan bimbingan kepada murid dengan lebih terancang. Aspek bimbingan yang boleh diberikan melibatkan proses memberi tunjuk ajar dalam menguasai isi pelajaran dan kemahiran, memandu murid membuat keputusan dan menyelesaikan sesuatu masalah.

d. Guru sebagai pendorong

Selain itu guru juga perlu bertindak sebagai pendorong untuk meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran. Sebagai pendorong, guru perlu memberikan dorongan kepada murid untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran secara terancang. Dorongan boleh dilakukan dengan memberikan pujian, galakan, penghargaan dan keyakinan serta menunjukkan keprihatinan terhadap keperluan murid secara menyeluruh dan berterusan.

e. Guru sebagai penilai

Guru juga perlu bertindak sebagai penilai untuk mengesan tahap penguasaan murid. Guru perlu melaksanakan penilaian secara sistematik dan terancang. Untuk itu, guru perlulah mempelbagaikan kaedah pentaksiran, menjalankan aktiviti pemulihan dan pengayaan, membuat refleksi serta menyemak hasil kerja murid berdasarkan objektif pelajaran dan mengikut ketetapan pelaksanaan pentaksiran yang berkuatkuasa.

f. Murid sebagai pembelajar aktif;

Murid pula perlu bertindak sebagai pembelajar aktif untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai positif. Oleh itu murid perlu melibatkan diri dalam proses pembelajaran. Murid juga perlu memberikan respons, berkomunikasi dan melaksanakan aktiviti secara kolaboratif, berfikir kritis dan kreatif, mengemukakan soalan, menyelesaikan masalah dan berkebolehan untuk mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan seharian.

Selari dengan kompetensi guru yang disarankan, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meninjau tahap kemahiran pengajaran dan pemudahcaraan guru berdasarkan SKPMg2 dalam kalangan guru di salah sebuah sekolah menengah Daerah Hulu Langat. Fokus kajian adalah terhadap enam standard (6) iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai dan murid sebagai pembelajar aktif. Kajian ini penting dilaksanakan agar guru-guru dapat membuat penambahbaikan dalam amalan PdPc masing-masing. Seterusnya guru juga didapati sering mendominasi proses pengajaran dan pembelajaran berbanding pelajar. Guru juga tidak melibatkan pelajar-pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka (Hussin., 2014). Kajian terhadap kepentingan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai medium dalam melahirkan individu yang seimbang dari segi kemahiran, pengetahuan dan akhlak seorang Muslim mendapati bahawa pengajaran sehala oleh guru akan membawa kebosanan dalam sesi PdP. Kajian yang sama mendapati bahawa tahap kesediaan dan amalan pedagogi dalam kalangan guru pendidikan Islam dari aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) perlu dipertingkatkan [7].

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) menggariskan enam aspirasi murid yang perlu dicapai. Pencapaian ini diukur berdasarkan keberhasilan proses pembelajaran di dalam kelas [8]. Oleh yang demikian, setiap guru perlu lebih kreatif dan inovatif dalam penguasaan kurikulum PAK 21 di samping berdaya saing dalam pengajarannya (Hashim, 2019). Penguasaan aspek kurikulum termasuklah penguasaan merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan bahan pengajaran [9]. Seterusnya kajian terdahulu juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang sangat kuat antara kompetensi pedagogi dengan prestasi akademik. Oleh yang demikian, guru-guru disarankan agar memantapkan tahap kompetensi pedagogi supaya mereka dapat berfungsi dengan lebih efisien dalam menyalurkan pengetahuan dan kemahiran kepada murid-murid.

II. METODE PENELITIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan (*mixed method*) dengan pengumpulan data kuantitatif sebagai data utama melalui kaedah kajian tinjauan. Satu set instrumen kajian telah diedarkan kepada guru-guru yang terlibat dalam kajian ini. Instrumen tersebut meliputi sembilan (9) aspek iaitu seperti yang berikut;

- Bahagian A : Latar Belakang Guru
- Bahagian B : Penyediaan Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran
- Bahagian C : Guru Sebagai Perancang
- Bahagian D : Guru Sebagai Pengawal
- Bahagian E : Guru Sebagai Pembimbing
- Bahagian F : Guru Sebagai Pendorong
- Bahagian G : Guru Sebagai Penilai

Bahagian H : Murid Sebagai Pembelajaran Aktif

Bahagian I : Soalan Respon Terbuka (Bantuan dan Cadangan)

Setiap item dijawab berdasarkan Skala Likert dengan 1. Sangat tidak setuju; 2. Tidak setuju; 3. Kurang setuju; 4. setuju; dan 5. Sangat setuju. Data secara kualitatif diperoleh melalui sesi temu bual bersama dengan 20 orang guru di sekolah berkenaan.

Teknik Pengumpulan data sebelum menjalankan kajian, instrumen yang dibina telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan setiap item yang diuji. Bagi tujuan kesahan, pengkaji telah menjalankan kesahan kandungan dengan merujuk instrumen tersebut kepada 3 orang pakar iaitu seorang Ketua Jabatan dan seorang Pensyarah Kanan di salah sebuah IPG dan seorang guru kanan mata pelajaran di sekolah menengah. Teguran dan pandangan daripada 3 orang pakar ini telah diambil kira dalam pemurnian dari segi penggunaan bahasa, kejelasan maksud dan isi kandungan setiap item yang dibina.

Instrumen yang telah diuji kesahannya itu diuji pula kepada 15 orang guru lain yang tidak terlibat dalam kajian ini untuk menguji kebolehpercayaan item yang dibina. Setelah diuji, pengkaji mendapati bahawa reabiliti instrumen adalah 0.928 yang melibatkan 64 item. Oleh yang demikian, item yang dibina boleh digunakan untuk tujuan kajian dan dapat mengukur setiap konstruk yang terdapat dalam kajian ini.

III. HASIL DAN PEMBAHASAN

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan berpandukan program *'Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 22.0*. Pengkaji melaksanakan pentaksiran skor min berasaskan pentaksiran oleh Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dasar Pendidikan (2006b), dengan menginterpretasikan min tahap kemahiran pengajaran & pemudahcaraan guru berdasarkan SKPMg2 dalam kajian ini seperti yang berikut:

Tabel 1
Jadual penentuan min

BIL	NILAI MIN	ARAS
1	4.30 hingga 5.00	Sangat Tinggi
2	3.50 hingga 4.29	Tinggi
3	2.70 hingga 3.49	Memuaskan
4	1.90 hingga 2.69	Rendah
5	1.00 hingga 1.89	Sangat Rendah

Sumber: Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dasar Pendidikan (2006)

Terdapat 70 orang guru di sekolah berkenaan. Melalui instrumen yang diedarkan, seramai 37 orang guru telah menjawab instrumen tersebut. Taburan sampel ditunjukkan seperti dalam Jadual 2.

Tabel 2
Sampel Kajian

BIL	PENGALAMAN	n	%	JAWATAN	JANTINA
1	Kurang daripada 1 tahun	1	2.7	Ketua Bidang= 4 (10.8%)	Lelaki= 4 (10.8)
2	1 tahun – 3 tahun	2	5.4		
3	4 tahun – 6 tahun	6	16.2	Ketua Panitia= 13 (35.1%)	Perempuan= 33 (89.2)
4	Lebih daripada 6 tahun	28	75.7		
	Keseluruhan	37	100	Guru Akademik	

20 (54.1%)

Berdasarkan tabel 2, secara keseluruhannya terdapat 37 orang guru yang telah menjawab instrumen yang diedarkan. Secara keseluruhannya terdapat 70 orang guru yang mengajar di sekolah ini. Berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970), sekurang-kurangnya 30% sampel adalah diperlukan. Oleh yang demikian jumlah sampel yang diperlukan dari sekolah ini sekurang-kurangnya adalah 21 orang dan jumlah sampel sebanyak 37 tersebut adalah memadai dan mencukupi untuk mendapatkan data secara kuantitatif.

Daripada jumlah tersebut, 4 orang (10.8%) adalah lelaki manakala 33 (89.2%) adalah perempuan. Analisis data seterusnya menunjukkan bahawa 20 (54.1%) orang adalah guru akademik, 13 (35.1%) orang adalah Ketua Panitia dan 4 (10.8%) adalah Ketua Bidang. Dari segi pengalaman bertugas pula, 28 orang (75.7%) berpengalaman lebih daripada 6 tahun, 6 orang (16.2%) antara empat hingga enam tahun dan 2 orang (5.4%) antara satu hingga tiga tahun. Hanya seorang (2.7%) mempunyai pengalaman kurang daripada setahun. Berdasarkan hal tersebut perubahan amalam pedagogi masa kini jelas menunjukkan bahawa murid tidak gemar dikongkong pergerakan mereka ketika berada di dalam kelas [10]. Namun begitu kajian mendapati bahawa terdapat juga guru yang kurang memberikan penekanan terhadap aspek persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah.

Untuk menjawab persoalan pertama kajian iaitu apakah isu dalam aspek persediaan perancangan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru, analisis item berdasarkan dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 3;

Tabel 3
Analisis Item Dalam Aspek Persediaan Perancangan Pengajaran

Item	Pernyataan	min	sp	Tahap	SK	K	K2	J2	TP
1	Menyediakan RPH pada setiap hari mengikut jadual waktu yang diberikan.	4.24	.80	Sangat Tinggi	16	15	5	1	
2	Menyediakan RPH seminggu sekali sebelum dihantar kepada pihak pentadbir untuk disemak.	2.86	1.3	Memuaskan	7	4	9	11	6
3	Menyediakan sendiri RPH untuk disesuaikan dengan perkembangan murid.	4.51	.51	Sangat Tinggi	19	18	-	-	-
4	Menyalin semula RPH dari buku-buku rekod pengajaran yang lalu.	2.16	.96	Rendah	-	3	11	12	11
5	Menggunakan sepenuhnya RPH yang dibeli secara online.	1.11	.52	Sangat Rendah	-	1	-	1	35
6	Membeli RPH secara online dan mengubahsuai mengikut keperluan pengajaran.	1.03	.16	Sangat Rendah	-	-	-	1	
7	Melaksanakan pengajaran tanpa membuat perancangan awal.	1.78	.71	Sangat Rendah	-	-	6	17	14

8	Menyedia perancangan pengajaran berdasarkan ketetapan kurikulum / arahan yang berkuat kuasa.	4.54	.56	Sangat Tinggi	21	15	1	-	-
---	--	------	-----	---------------	----	----	---	---	---

Berdasarkan analisis item dalam tabel 3, terdapat tiga (3) isu dalam aspek persediaan perancangan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru. Isu-isu tersebut merujuk item 2, item 4 dan item 7. Item 2 menunjukkan bahawa terdapat guru-guru yang menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH) seminggu sekali sebelum dihantar kepada pihak pentadbir untuk disemak. Hanya enam (6) orang sahaja yang tidak pernah berbuat demikian. Selebihnya seramai 31 orang guru ada berbuat demikian dan cuma kadar kekerapan mereka berbuat demikian sahaja yang berbeza.

Seterusnya bagi item empat (4) pula, terdapat juga guru-guru yang menyediakan RPH dengan sekadar menyalin semula dari buku-buku rekod pengajaran yang lalu. Data menunjukkan hanya sebelas (11) orang sahaja yang tidak pernah berbuat demikian. Isu lain yang juga berlaku adalah terdapat guru yang melaksanakan pengajaran tanpa membuat perancangan awal. Data dalam Jadual 3 tersebut menunjukkan bahawa hanya empat belas (14) orang sahaja yang tidak pernah berbuat demikian, manakala bakinya menunjukkan mereka pernah berbuat demikian. Seterusnya untuk menjawab persoalan kedua kajian iaitu apakah tahap kemahiran pengajaran dan pemudahcaraan guru berdasarkan Standard 4 SKPMg2 dalam kalangan guru, dapatan kajian dirumuskan dalam tabel 4;

Tabel 4
Tahap kemahiran pengajaran dan pemudahcaraan guru berdasarkan Standard 4 SKPMg2

Bil	Standard 4	min	sp	Tahap
4.1	Guru Sebagai Perancang	3.88	.37	Tinggi
4.2	Guru Sebagai Pengawal	3.99	.28	
4.3	Guru Sebagai Pembimbing	3.96	.31	
4.4	Guru Sebagai Pendorong	3.84	.36	
4.5	Guru Sebagai Penilai	3.91	.24	
4.6	Murid Sebagai Pembelajaran Aktif	3.81	.29	
	Keseluruhan	3.90	.25	

Berdasarkan Jadual 4, secara keseluruhannya tahap kemahiran pengajaran dan pemudahcaraan guru berdasarkan Standard 4 SKPMg2 dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi (min 3.90; sp=.25). Berdasarkan enam (6) standard yang dikaji, tahap kemahiran tertinggi dalam kalangan guru adalah guru sebagai pengawal (min= 3.99; sp=.28). Murid sebagai pembelajar aktif pula merupakan tahap kemahiran yang terendah (min= 3.81= sp=.29). Kajian ini secara keseluruhannya juga menunjukkan bahawa Kemahiran pengajaran dan pemudahcaraan guru berdasarkan Standard 4 SKPMg2 dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi. Namun begitu latihan berterusan perlulah dilaksanakan untuk membolehkan guru-guru meningkatkan kemahiran, khususnya bagi item yang mencatatkan min terendah dalam setiap standard yang telah dibincangkan. Ini juga selaras dengan kajian terdahulu yang mendapati bahawa latihan berterusan akan dapat memantapkan tahap kompetensi pedagogi supaya mereka dapat berfungsi dengan lebih efisien dalam menyalurkan pengetahuan dan kemahiran kepada murid-murid [11]. Untuk menjawab persoalan ketiga kajian iaitu apakah isu utama pengajaran dan pemudahcaraan yang

dihadapi dan sukar untuk diselesaikan dalam kalangan guru, dapatan kajian adalah seperti dalam tabel 5;

Tabel 5
Isu Utama Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan

Bil	Isu Utama	n
1	Sikap murid	14
2	Kemahiran pengajaran guru	11
3	Kelemahan murid	8

Berdasarkan tabel 5, analisis daripada soalan respon terbuka setelah ditemakan mendapati bahawa terdapat tiga (3) isu utama pengajaran dan pemudahcaraan yang dihadapi dan sukar untuk diselesaikan dalam kalangan guru iaitu sikap murid (14 orang), kemahiran pengajaran guru (11 orang) dan kelemahan murid (8 orang). Dapatan daripada temu bual pula antaranya adalah seperti berikut;

G1: *murid-murid ni susah nak fokus apa yang kita ajarkan. Mereka tak boleh duduk diam, ada aja akal nya;*

G2: *murid saya agak susah untuk berikan perhatian terhadap pembelajaran, kadang-kadang bila nak libatkan mereka tu, alahai, susah nya nak berikan kerjasama, apa lagi masa pdpr dulu tu;*

G3: saya rasa saya kurang kreatif dan kritislah, agak susah untuk mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan;

G4: saya pulak rasanya agak susah untuk menyediakan bahan bantu mengajar. Kemudahan ICT juga terhad;

G5: Bagi saya, pengurusan masa sangat penting. Saya rasalah kan, sekarang ni lambakan kerja dan tugas menyebabkan guru kurang kreatif dalam pdp;

Seterusnya untuk menjawab persoalan keempat kajian iaitu apakah bantuan yang diperlukan untuk menjadi guru yang berkesan dalam kalangan guru, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 6.

Tabel 6
Bantuan yang diperlukan oleh guru-guru

Bil	Bantuan yang diperlukan	n
1	Kursus Berkaitan Kaedah Pengajaran	15
2	Kemudahan Peralatan Pengajaran	7

3	<i>Coaching & Mentoring</i>	3
	Kurangkan kerja sampingan	3

Berdasarkan Tabel 6, analisis daripada soalan respon terbuka setelah ditemakan mendapati bahawa terdapat empat (4) bantuan yang sangat diperlukan oleh guru-guru untuk menjadi guru yang berkualiti iaitu kursus berkaitan kaedah pengajaran (15 orang), kemudahan peralatan pengajaran (7 orang), *coaching* dan *mentoring* (3 orang), dan mengurangkan kerja sampingan (3 orang). Dapatan daripada temubual pula antaranya adalah seperti berikut;

G6: sekarang ni banyak perubahan dah. Jadi saya rasa kami perlukan pendedahan dari semasa ke semasa, khususnya berkaitan dengan kaedah pengajaran terkini;

G7: dari segi teknologi, budak-budak sekarang ni rasanya jauh lebih hebat. Jadi, saya rasa guru-guru perlu diberikan pendedahan tentang pelbagai kemudahan teknologi yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran. Kita dulu lain, mungkin apa yang kita dapat dulu dah tak sesuai lagi nak gunakan untuk budak-budak masa ni;

G8: susahlah nak kawal murid-murid sekarang ni. Mereka aktif sangat. Jadi saya rasa kami guru-guru di sekolah ni perlukan pendedahan tentang cara yang terbaik untuk menguruskan mereka ni;

Kajian ini mendapati antara isu utama dalam pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi dan sukar untuk diselesaikan dalam kalangan guru adalah berkaitan dengan sikap murid. Oleh yang demikian, guru-guru perlulah menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan dalam usaha untuk mengubah sikap murid-murid. Ini juga adalah selari dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa setiap guru perlu lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan pengajaran pengajaran mereka [12]. Kajian yang sama mendapati bahawa tahap kesediaan dan amalan pedagogi dalam kalangan guru pendidikan Islam dari aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) perlu dipertingkatkan [13].

Dengan demikian guru-guru disarankan agar memantapkan tahap kompetensi pedagogi supaya mereka dapat berfungsi dengan lebih efisien dalam menyalurkan pengetahuan dan kemahiran kepada murid-murid [14]. pendidik perlu melakukan anjakan paradigma dan bersedia melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat untuk menambahkan ilmu pengetahuan sesuai dengan transformasi pendidikan negara [15]. Pembelajaran dan pemudahcaraan dan kemenjadian murid. SKPMg2 menekankan peranan guru sebagai pemudah cara dalam PdPc dan keperluan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh pada tahap optimum dan dilaksanakan secara berterusan [16].

IV. KESIMPULAN DAN SARAN

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian, dapatlah dirumuskan bahawa setiap hampir keseluruhan guru menyediakan sendiri perancangan pengajaran berdasarkan ketetapan kurikulum dan arahan yang berkuat kuasa. Namun begitu terdapat juga sebilangan guru yang menyediakan RPH seminggu sekali iaitu ketika mahu dihantar kepada pihak pentadbir. Oleh yang demikian, amalan ini perlulah dielakkan untuk membolehkan aktiviti pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih terancang seperti yang dikemukakan dalam dokumen SKPMg2 (2016).

Seterusnya kajian ini mendapati bahawa guru-guru menyatakan bahawa mereka perlukan bantuan pendedahan dan kursus yang berkaitan dengan kaedah pengajaran untuk membolehkan mereka menjadi guru yang berkesan. Oleh yang demikian, pihak pengurusan dan pentadbiran perlulah melaksanakan latihan dalam perkhidmatan yang berkaitan dan dilaksanakan secara

berterusan. Seterusnya pengkaji turut mencadangkan agar guru-guru di sekolah ini mengambil inisiatif sendiri untuk mengikuti latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan pelbagai institusi pendidikan yang lain.

Di samping itu guru-guru juga disarankan agar mengamalkan proses pembelajaran sepanjang hayat untuk menambah ilmu berkaitan pengajaran dan pemudahcaraan, dan mempertingkatkan usaha untuk mengubah budaya belajar dalam kalangan murid. Pihak pentadbir sekolah pula disarankan agar menganjurkan latihan dalam perkhidmatan secara berkala, khususnya yang berkaitan PdPc. Selain itu bengkel mengikut panitia dan bidang perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kompetensi guru dalam aspek PdPc. Pentadbir sekolah juga disarankan agar melantik mentor kepada guru-guru baharu yang memerlukan bimbingan.

V. DAFTAR PUSTAKA

- [1] Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman, Khairul Anur Bahrin. (2019). Amalan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. *Jurnal IPDA* Bil. 26. Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Jitra, Kedah.
- [2] Losius Goliong, Mohd Khairuddin Abdullah & Rosy Talin. (2018). Kompetensi pegadogi guru dan prestasi akademik di sekolah-sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Kurikulum*, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid 3; 80-91.
- [3] Sharifah Bee. (2015). Transformasi Dijana Legasi: Koleksi Ucapan 2012-2015. Timbalan Pengarah Pendidikan Pulau Pinang. KPM, JPPP. Pulau Pinang.
- [4] Abdul Ghoni Ahmad. (2018). Pendidikan kita bertaraf dunia. *Majalah Pendidikan*. Feb 2018: Jilid 120.
- [5] Shamilati, C.S., Wan Mazwati, W.Y. & Rahimah, E. (2017). Teacher's challenges in teaching and learning for higher order thinking skills (HOTS) in primary school. *International Journal of Asian Social Sciences*. 7(7): 534-545.
- [6] Nurul Izzati Azizi, H. M. (2011). Perbandingan faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran antara sekolah di bandar dan luar bandar. *Journal of Education Management*, Vol. 1:34-47.
- [7] Mohd Zailani Ismail & Mohamad Khairi Othman. (2017). Amalan pedagogi abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam di Institut Pendiidkan Guru Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*. Jilid 13.
- [8] Khuzaimah Zaaime, Mohamed Yusoff Mohd Nor & Shahlan Surat. (2019). Tahap kompetensi Guru (PdPc) SKPMg2 dan tahap kemenjadian murid. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. Vol. 4 Issues, 51-62.
- [9] M. Nur Mustafa. (2013). Profesional competency differences among high school teachers in Indonesia. *International Educational Studies, Canadian Center of Science and Education*, Vol. 6, No. 9: 83-92.
- [10] Benade, L. (2015). Teacher's critical reflective practice in the context of 21st century learning. *Open Review of Educational Research*. Vol 2(1). 42-54.
- [11] Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. 2017. Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 7, Bil.2: 77-88.
- [12] Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsudin, Nurul Nadia Nozlan, Muhammad Faiz Abd. Shakor & Afaf Sukari. (2021). Pandemik COVID-19: Cabaran pengajaran dan pembelajaran (PDP) Pendidikan Islam dalam pendidikan khas bagi pelajar orang kurang

- upaya (OKU) masalah pembelajaran di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 5: 127-138/
- [13] Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan, Mohd Isa Hamzah. (2017). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru pendidikan islam sekolah menengah di Selangor terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran pendidikan islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* (ACER-J). Vol 1. 1-13.
- [14] Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2018). Hubungan pelaksanaan komposisi pembelajaran yang mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dengan pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Vol 5 (1): 63-80.
- [15] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). SKPMg2: Pengenalan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2).
- [16] Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah. (2013). Pengajaran kemahiran berfikir: Persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, Vol. 2,(1): 18-36.